

FOLLOW ME: MENANGI BONUS SEHINGGA RM115 MELALUI PERADUAN TEBUS. REVIEW. YAY! (T.R.Y.) FOLLOW ME

Dengan menyertai Promosi ini, Peserta adalah dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju kepada semua Terma dan Syarat dalam Peraduan ini, Perlindungan Data Peribadi dan Notis Privasi yang dinyatakan di bawah, dan sebarang pindaan, penambahan, penggantian, pemansuhan dan modifikasi kepada [Terma dan Syarat ini] sebagaimana yang dibuat oleh Pihak Penganjur dari semasa ke semasa dan Peserta adalah tertakluk kepada segala Terma dan Syarat tersebut dan mematuhi segala keputusan yang dibuat oleh pihak Penganjur.

Penganjur

Peraduan ini dianjurkan oleh TOHTONKU SDN BHD (“Penganjur”)

Tempoh Peraduan

1. Peraduan Tebus. Review. Yay! (T.R.Y.) Follow Me (“Peraduan”) akan bermula dari 9 Mei 2024 pada 12:00 pagi dan berakhir pada 9 Jun 2024 pada 11:59 malam (“Tempoh Peraduan”)
2. Semua penyertaan yang diterima selepas Tempoh Peraduan tidak akan dilayan.
3. Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, untuk mengubah, menangguhkan, mengemas kini dan/atau melanjutkan Tempoh Peraduan dan/atau membatalkan/ menamatkan Peraduan pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.

Syarat Kelayakan

1. Promosi ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas (seperti pada tarikh penyertaan dalam peraduan ini) memegang Kad Pengenalan Pendaftaran Kebangsaan Malaysia yang sah sahaja.
2. Peserta perlu melengkapkan butiran di <https://campaign.followme.com.my/> dengan maklumat dibawah:-
 - a. Nama penuh;
 - b. Nombor kad pengenalan;
 - c. Alamat emel;
 - d. Nombor telefon;
 - e. Nama akaun Instagram/Tik Tok; dan
 - f. Alamat Penghantaran dengan tepat.

3. Kumpulan berikut tidak layak untuk mengambil bahagian dalam peraduan ini : -
 - Pekerja Penganjur termasuk syarikat gabungan dan berkaitannya serta ahli keluarga terdekat mereka (anak, ibu bapa, adik-beradik lelaki dan perempuan, termasuk pasangan); dan/atau wakil, pekerja, ahli perkhidmatan dan/atau ejen pengiklanan dan/atau penyedia perkhidmatan promosi Penganjur termasuk syarikat bersekutu dan berkaitan, dan ahli keluarga terdekat mereka (anak, ibu bapa, saudara lelaki dan saudara perempuan termasuk pasangan).

Kriteria Penyertaan

Peserta perlu memenuhi kriteria berikut:

1. Peserta perlu mencuba produk dalam Pek Sampel Follow Me dan melengkapkan borang maklum balas dan/atau mengkongsikan video reviu produk menerusi akaun media sosial dalam Tempoh Peraduan untuk memenangi Bonus berbentuk Baucar TnG.
2. Setiap penebusan Pek Sampel Follow Me adalah sah untuk satu (1) penebusan Bonus berbentuk Baucar TnG bagi setiap langkah.
3. Setiap peserta terhadap kepada satu (1) penyertaan sahaja.
4. Penebusan Bonus hanya sekali sahaja. Penyertaan Peserta akan dibatalkan jika Borang Maklum Balas yang dihantarkan lebih dari SATU (1) kali.
5. Untuk mengambil bahagian, Peserta perlu mengikuti langkah-langkah di bawah:
 - a. Langkah 1: Tebus Pek Sampel Follow Me Menerusi Laman Web Kempen Rasmi <https://campaign.followme.com.my> dalam Tempoh Peraduan.
 - b. Langkah 2: Pastikan semua butiran peribadi yang disertakan adalah tepat. Tekan butang 'Hantar' untuk menyerahkan maklumat anda.
 - c. Langkah 3: Cuba semua sampel produk yang dikirimkan kepada anda dan lengkapkan Borang Maklum Balas melalui Laman Web Kempen Rasmi <https://campaign.followme.com.my> dalam Tempoh Peraduan untuk memenangi Baucar TnG bernilai RM15.
 - d. Langkah 4: Rakam dan kongsikan video reviu produk Follow Me melalui akaun Media sosial anda. Bubuh Hashtag Peraduan dan tag akaun media sosial rasmi Follow Me serta seorang BFF anda untuk memenangi Baucar TnG bernilai RM100

6. Setiap Peserta hanya boleh menghantar satu penyertaan dengan menggunakan Kod Pengesahan seperti yang tertulis di atas kad di dalam Pek Sampel yang dikirimkan.
7. Pek Sampel yang ditebus akan dikirim ke alamat peserta seperti yang dinyatakan dalam borang penyertaan. Tempoh penghantaran Pek Sampel percuma adalah dari 9 Mei 2024 ke 9 Jun 2024 (“Tempoh Penghantaran”)
8. Penebusan Pek Sampel hanya terhad kepada 150 unit sahaja (“Sampel”). Penebusan sampel adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak penganjur, dan sementara stok (sampel) masih ada. Tiada sebarang bantahan akan di layan.

Pemilihan Penyertaan yang Sah

1. Penganjur tidak akan menghubungi mana-mana peserta dengan penyertaan yang sah (“Peserta Sah”). Peserta hendaklah memastikan semua butiran peribadi yang disertakan kepada Penganjur adalah tepat.
2. Semua keputusan Penganjur berkaitan dengan peraduan ini adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat, rayuan atau perbincangan tidak akan dilayan.
3. Semua peserta hendaklah bersetuju untuk mematuhi keputusan Penganjur berkenaan dengan semua aspek dalam berkaitan dengan peraduan ini.
4. Peserta dikehendaki menghantarkan salinan video rewiu yang dirakamkan kepada Penganjur semasa atau sebelum penebusan Bonus untuk tujuan pengesahan penyertaan Peserta.

Bonus

1. Semua Bonus tidak boleh dipindah milik atau ditukar dalam sebarang bentuk lain tertakluk kepada terma dan syarat yang boleh dikenakan oleh Penganjur mengikut budi bicara mutlaknyanya. Pihak Penganjur berhak untuk menggantikan Bonus dengan hadiah lain yang sama nilai tanpa notis terlebih dahulu. Semua pemenang tidak dibenarkan menukar Bonus dengan tunai.
2. Tiada permintaan untuk penggantian dan/atau pertukaran Bonus akan dilayan.
3. Jika terpilih, peserta dikehendaki memuat naik video rewiu yang terpilih tersebut ke laman web yang ditentukan oleh Pihak Penganjur, sebelum kod Baucar TnG diberikan kepada peserta tersebut.
4. Sebelum Bonus berbentuk kod Baucar TnG diberikan kepada peserta, Penganjur berhak untuk menangguhkan tarikh bagi menuntut Bonus yang telah ditentukan pada masa yang

lain yang akan dimaklumkan oleh Penganjur kepada pemenang sekiranya berlaku apa-apa keadaan yang di luar jangkaan dari semasa ke semasa.

Terma Lain:

1. Tohtonku Sdn Bhd tidak akan bertanggungjawab terhadap penyertaan yang tidak lengkap atau mempunyai maklumat yang tidak sah.
2. Tohtonku Sdn Bhd berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana peserta tanpa notis pada bila-bila masa semasa pertandingan atau selepas dia didapati tidak memenuhi prasyarat pertandingan sebelum penyertaan.
3. Tohtonku Sdn Bhd tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan atau kelewatan dalam melaksanakan tanggung jawabnya jika kegagalan atau kelewatan tersebut disebabkan oleh keadaan di luar kawalan yang munasabah.
4. Peserta bersetuju, jika diperlukan, untuk mengambil bahagian dalam acara publisiti tanpa sebarang pampasan atau yuran. Tohtonku Sdn Bhd berhak untuk menggunakan nama, alamat, nombor telefon bimbit, gambar, butiran, dan/atau dokumen Peserta atau pemenang untuk tujuan pengiklanan dan semua bentuk publisiti lain dari semasa ke semasa tanpa sebarang royalti atau pampasan yang diberikan kepada Peserta atau pemenang.
5. Tohtonku Sdn Bhd berhak untuk membatalkan, menggantung, atau meminda peraturan pertandingan tanpa notis terlebih dahulu. Sebarang perubahan akan disiarkan sama ada di laman web rasmi Tohtonku/ Laman Facebook.
6. Tohtonku Sdn Bhd mengekalkan semua hak proprietari ke atas harta intelek yang terkandung dalam Peraduan ini dan memiliki hak cipta untuk semua kandungan di dalamnya.
7. Data Peribadi Peserta akan dikumpul oleh Tohtonku Sdn Bhd. Selain itu, dengan menyertai Peraduan ini, Peserta dengan ini bersetuju dengan terma dan syarat Notis Privasi Tohtonku Sdn. Bhd. yang disenaraikan di <https://www.followme.com.my/privacy-policy>
8. Tohtonku Sdn Bhd tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kesilapan teknikal yang berlaku dalam akses Internet, rangkaian telekomunikasi, atau sebarang sebab lain yang menghalang penyertaan peraduan.
9. Tohtonku Sdn Bhd tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, kerosakan, atau kecederaan peribadi yang ditanggung oleh peserta dalam proses menyertai peraduan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang. Jumlah liabiliti dan agregat Tohtonku Sdn Bhd kepada Peserta termasuk dan tidak terhad kepada sebarang tuntutan yang timbul daripada atau berkaitan dengan terma dan syarat ini, untuk pelanggaran kewajiban berkanun, sebarang bentuk kerugian, kerosakan atau peribadi yang dibenarkan oleh undang-undang tidak boleh melebihi jumlah RM100 bagi setiap Peserta.

TAMAT